

24 MAY 2002

DR MAHATHIR BINCANG DENGAN KABINET JEMPUTAN VATICAN

KUALA LUMPUR, 24 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau akan membincangkan dengan kabinet mengenai jemputan Pope John Paul II untuk melawat Vatican.

"Saya akan kemukakan kepada kabinet dan kita akan maklumkan," katanya kepada pemberita di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di Subang sekembalinya dari lawatan ke Jepun dan Korea Selatan.

Di Seoul semalam, Dr Mahathir memberitahu pemberita bahawa beliau telah dijemput oleh Pope John Paul untuk melawat Vatican, pusat pentadbiran bagi penganut Roman Katolik.

Terdapat laporan bahawa lawatan itu mungkin berlangsung sempena lawatan Perdana Menteri ke Switzerland dan Luxembourg dari 9 hingga 12 Jun ini.

-- BERNAMA

MAD ZS MAI